

PERANAN SKIM JAYADIRI DALAM MEMBANTU USAHAWAN ASNAF MELALUI E- PEMASARAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

**Siti Hafsha Albasri, Nurul Shahriza Abu Hassan dan Farah Nadirah
Abdul Manan**

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS)
Kuala Ketil, Kedah.

Abstrak

Perkembangan teknologi yang semakin pesat dan canggih melibatkan Internet of Things (IOT) atau Internet Kebendaan terutama dalam aktiviti pemasaran produk dan perkhidmatan menggesa usahawan asnaf untuk lebih bersedia dalam meningkatkan kemahiran serta pengetahuan berkaitan teknologi maklumat yang semakin maju ke hadapan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji usaha yang dilakukan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) melalui Skim Jaya Diri dalam membantu usahawan asnaf memasarkan produk dan perkhidmatan mereka melalui medium e-pemasaran. Kajian ini menekankan kepentingan e-pemasaran dalam membantu usahawan asnaf di Kedah. Kajian mendapati skim jaya diri memainkan peranan penting dalam membantu usahawan asnaf meluaskan lagi pemasaran produk dan perkhidmatan mereka melalui e-pemasaran. Kajian ini memberi manfaat kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam mengukuhkan Skim Jayadiri sedia ada serta usahawan asnaf dalam meningkatkan lagi capaian produk dan perkhidmatan mereka.

Kata kunci: *Skim Jayadiri, e-Pemasaran, Usahawan Asnaf*

Pengenalan

Industri Revolusi 4.0 yang muncul telah menjadikan perkembangan teknologi bertambah canggih dan pesat. Kini, internet bukan sahaja dilihat sebagai medium komunikasi atas talian tetapi turut menjadi medium utama digunakan dalam pelbagai bidang termasuklah ekonomi, politik, dan sebagainya. Menurut kaji selidik yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) pada tahun 2018 terhadap penggunaan internet di Malaysia mendapati terdapat 28.7 juta rakyat Malaysia iaitu 87.4% pengguna internet di Malaysia melibatkan penggunaan medium media sosial dan medium komunikasi. Medium media sosial yang dikenalpasti mempunyai pengguna yang paling ramai ialah facebook diikuti instagram, youtube, google, dan twitter lain-lain. Manakala medium komunikasi pula menunjukkan

whatsapp mempunyai pengguna paling ramai diikuti facebook messenger, wechat, telegram dan lain-lain (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2019).

Perkembangan teknologi telah memperlihatkan peningkatan terhadap penerimaan ICT dalam dunia perniagaan masa kini (Mohamad, 2014). Platform perniagaan online seperti *shopee*, *lazada*, dan *alibaba* yang dibangunkan dengan memasarkan produk dalam dan luar negara memudahkan lagi pengguna membuat pembelian produk secara atas talian. Ini menyebabkan kebanyakan usahawan berlumba-lumba mencari platform e-pemasaran khas untuk tujuan memasarkan perniagaan mereka. Persaingan yang sengit di dalam sektor perniagaan menyebabkan medium e-pemasaran melalui media sosial menjadi suatu medium yang penting bagi usahawan memperkenalkan produk mereka tidak kira sama perniagaan tersebut sudah dikenali oleh orang ramai mahupun tidak. Ia bukan sahaja menjadi pilihan para peniaga kecil-kecilan malah turut digunakan sebagai salah satu strategi pemasaran oleh syarikat-syarikat besar (Goh L.S et al., 2011).

Banyak manfaat dari penggunaan medium internet dalam pemasaran terutamanya bagi perniagaan kecil (Ismail et al, 2019). Oleh yang demikian, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) wajar mengambil peluang ini menggunakan platform media sosial seperti facebook, instagram dan twitter untuk menyebarkan maklumat berkenaan usahawan asnaf dalam usaha membantu melebarkan lagi pasaran produk dan perkhidmatan yang dijalankan oleh mereka.

Skim Jayadiri

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) memperkenalkan Skim bantuan Jayadiri di bawah kategori asnaf miskin dalam bentuk modal kewangan atau alatan bagi pemohon yang mempunyai pengalaman dan potensi untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Pada tahun 2015, seramai 244 asnaf miskin telah menerima bantuan melalui skim bantuan Jayadiri yang melibatkan sebanyak RM580 ribu pemberian oleh LZNK. Asnaf miskin yang menerima bantuan tersebut kebiasaannya telah menjalankan perniagaan kecil-kecilan dan dibantu melalui program ini untuk lebih maju (Nurul et all, 2018). Penubuhan skim ini adalah bertujuan bagi membantu membangunkan ekonomi khususnya para usahawan asnaf dengan menyalurkan Bantuan Jayadiri atau Bantuan Perniagaan kepada mereka.

Merujuk kepada laman web Btimes (2020), antara hasrat LZNK dalam menyalurkan Bantuan Jayadiri atau Bantuan Perniagaan ini sebagai salah satu platform kepada asnaf untuk berusaha mengeluarkan diri masing-masing dari kepompong kemiskinan. Selain itu, LZNK juga berhasrat agar asnaf yang menerima bantuan ini akan menjadi salah seorang daripada pembayar zakat pada masa akan datang dan sekaligus dapat membantu asnaf lain yang memerlukan bantuan zakat.

Lantaran daripada itu, melalui skim Jayadiri yang diperkenalkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), pihak LZNK mengambil peluang ini membantu memasarkan serta memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang diusahakan oleh ushawan asnaf mereka

secara atas talian. Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat yang semakin canggih, pihak LZNK sedar medium pemasaran produk dan perkhidmatan usahawan asnaf perlu selari dengan situasi semasa bagi mengelakan mereka ketinggalan dalam persaingan antara usahawan-usahawan sedia ada. Pendekatan e-pemasaran melalui skim jayadiri yang dilakukan oleh LZNK bertanggungjawab dalam memperkenalkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatan usahawan asnaf supaya jualan dan produktiviti dapat ditingkatkan.

e- Pemasaran

Penggunaan medium e-pemasaran kini semakin berkembang dan menjadi perhatian, terutama dalam industri yang melibatkan perdagangan, perniagaan, pelaburan, perbankan dan sebagainya. Medium yang digunakan seperti e-pemasaran mempengaruhi pelbagai transaksi dan aktiviti perniagaan dan mengambil alih kegiatan ekonomi yang dilaksanakan secara tradisional (Mohd Yunus, 2017). Ahmad Syahrul (2012), telah menakrifkan e-pemasaran sebagai aliran utama (mainstream) yang membolehkan sesuatu perniagaan untuk menjual barangan dan perkhidmatan kepada pengguna secara meluas. Menurut beliau lagi, e-pemasaran juga merupakan satu platform yang menggunakan kaedah baru untuk menjual dan mengedarkan barangan dan perkhidmatan menerusi media elektronik. E-pemasaran juga didefinisikan sebagai hubungan antara pelanggan dengan organisasi yang mana hubungan tersebut bukan hanya berlaku sekadar untuk berkomunikasi menerusi laman sesawang semata-mata, malah ianya juga mampu untuk melakukan proses pembelian barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh sesebuah perniagaan.

Berikutan perkembangan teknologi ini, usahawan lebih memilih untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka secara *online*. Di Malaysia umpamanya, pelbagai aplikasi perniagaan diperkenalkan sebagai alternatif kepada sistem perniagaan tradisional sedia ada seperti aplikasi GRAB dan UBER sebagai alternatif kepada teksi. Manakala aplikasi *Lazada* dan *Shopee* memudahkan seseorang membeli barang tanpa perlu ke pasar raya, *foodpanda* pula memberikan perkhidmatan penghantaran makanan sehingga ke pintu rumah dan lain-lain. Antara matlamat strategi pemasaran tersebut bagi menarik pelanggan membeli barangan dengan lebih mudah, menjimatkan masa dan tenaga. Hal ini berlaku demikian kerana pemasaran yang berkesan dapat menarik lebih ramai pelanggan terhadap sesuatu produk dan perkhidmatan (Ismail et al, 2019).

e- Pemasaran melalui Skim Jayadiri

Dalam konteks membantu usahawan asnaf pula, salah satu inisiatif yang boleh dilaksanakan ialah membantu memasarkan produk dan perkhidmatan mereka (Ismail et al, 2019). Skim Jayadiri bukan sahaja memberi bantuan kepada usahawan asnaf yang ingin memulakan perniagaan malahan turut menyediakan maklumat berkaitan produk dan perkhidmatan usahawan asnaf menerusi laman web rasmi LZNK malah turut menggunakan media sosial seperti *facebook*, *instagram* dan *twiter*. Ini merupakan antara usaha LZNK untuk mempromosikan perniagaan usahawan asnaf khususnya di Kedah. Tambahan lagi, dalam usaha membantu

memasarkan serta mempromosikan produk dan ushawan asnaf secara dalam talian, pihak LZNK telah membangunkan satu aplikasi mudah alih yang di namakan sebagai *Zakat on Touch*.

Aplikasi mudah alih, *Zakat on Touch* yang dibangunkan oleh LZNK ini, bertujuan untuk memudahkan pihak pengurusan serta pembayar zakat memantau dan menyemak kutipan serta pengagihan zakat menggunakan telefon pintar secara telus dan efisien (Kedah, 2019). Selain itu, dalam aplikasi ini turut terdapat aplikasi *Usahawan Asnaf* yang mana di dalamnya mengandungi lebih 30 senarai perniagaan-perniagaan yang diusahakan oleh usahawan asnaf di Kedah. Senarai berikut mengandungi maklumat terperinci berkaitan perniagaan, lokasi tapak niaga serta jenis produk jualan mereka. (lihat **Jadual 1**)

Bil	Senarai Usahawan LZNK	Jenis Perniagaan	Nombor telefon
1	Zainol Abidin B Md Zain Kg Sireh Mukim Tekai Kiri 06350 Naka Kedah.	Cupcake, Kek Cheese, Kek Coklat, Kuih Sepit, Kek Hari Jadi, Roti Ban	012-5409765
2	Jamaliah Bt Ramdzan 220 Kg Baru Jln Sg Tiang 06750 Pendang Kedah.	Maruku, Jahitan	013-4131580
3	Rozita Bt Hasan R.T.P 149 Bukit Mat Inson 06200 Pendang Kedah.	Kerepek/Kayu Buruk, Kerepek Pisang, Kayu Buruk, Suci Dalam Debu	0111-14719193
4	Intan Baiduri Bt Mohamad Nor Kg Pida 4 Tok Kepak 06100 Kodiang Kedah	Kuih Muih, Tepung Bungkus, Pulut Sekaya, Bahulu, Loyang, Kuih Siput, Rempeyek	013-9002104
5	Sarinah Bt Ahmad No 56 Kg Pulau Chengai 05300 Gurun Kedah	Kedai Makan Nasi	017-4243750
6	Siti Fatimah Mohd Noor No 203 Jln Seroja 2/6 Amanjaya Sungai Petani Kedah	Makanan Laksa, Bihun Sup, Ais Blended, Gula-Gula Kapas	019-4046471
7	Zuraida Mohd Noor No 65 Kg Jerai Kuala Sin Bukit Selambau Kedah	Maruku, Biskut, Samperit, Samperit Susu, Samperit Coklat, Mocka Nestum, Crunchy Almond, Snowy Almond, Pizza, Roti, Jejari Oat	019-5202297
8	Wan Noor Aznum Bt Zulkifli No 111 Kg Pasir Guar Chempedak Gurun Kedah	Kuih Makmur, Roti Sosej, Samprit, Lidah Kucing, Kuih Fruit Tuity	011-24319563
9	Miqdad B Hanafi/ Noorhafiza Bt Che Mel No 52a Kg Kolam Tualang 06400	Karipap Mini, Karipap Frozen, Pulut Sambal, Serunding Ikan, Apom, Kacang Ramen	014-9035130

	Pokok Sena Kedah		
10	Mohammad Hasbullah B Mahmud Kg Bendang Raja Kubur Panjang 06760 Pendang Kedah	Bahulu/ Pekasam/ Kuih Sepit	013-4499950
11	Che Wan Bt Bakar No 142 Kampung Hilir , Kubang Rotan Alor Setar Kedah	Bahulu, Karipap, Frozen, Kuih Pau, Tepung Talam, Bengkang Ubi Kayu	013-4967269
12	Masniza Bt Soib 108 Felda Bukit Tembaga 06300 Kuala Nerang Kedah	Kek, Bahulu, Kuih Raya, Roti Sosej, Kek Cheese, Kek Marble, Bahulu, Pizza, Roti Serunding Ayam	011-36652696
13	Marzuin Bt Ahmad Dahalan No 22 Taman Aman 06700 Pendang Kedah	Bahulu, Biskut Raya Samperit, Alomond London	016-4412092
14	Yahaya B Kamis No 61 Kg Gulau 06400 Pokok Sena Kedah	Rempeyek Mini, Aiskrim Kon	019-4428032
15	Mohamad Rohaizad B Abdullah No 135 Taman Kota Jaya 09100 Pulau Baling Kedah	Karipap Pusing Frozen, Cucur Badak, Donut, Popia, Samosa, Maruku, Kerepek Bawang	019-5922337
16	Mohd Zulhilmi B Zabidi Kampung Bukit Payung Mukim Bongor Baling Kedah	Membuat Kasut	019-7896265
17	Khatijah Bt Yahaya No 2 Gerai Makan Kg Kilang Ketapang 08300 Gurun Kedah	Makanan & Minuman, Nasi Campur, Lauk Pauk Bakar, Ikan Bakar, Ayam Bakar, Kambing Bakar	019-4586034
18	Norhazliza Bt Othman 306 Kampung Bukit Nambua 06300 Kuala Nerang Kedah	Biskut Raya, Kuih Samprit Biasa/Susu, Suci Dalam Debu, Laksam, Kuih Almond, Jejari Oat, Nestum, Tart Nenas, Mazola, Biasa/ Kacang Hijau	017-4996560
19	Zulkifli B Nayan 277 Pkt 2 Lorong Putra, Felda Lubuk Merbau Kedah	Karipap	014- 8305150/017- 6522464
20	Mohd Khairul Muhaymin B Abdul Hamid 21 Blok 9a Felda Sungai Tiang 06750 Pendang Kedah	Simpul Kasih, Maruku, Kerepek Pisang, Maruku Lingkar	019- 5629129/012- 4874724
21	Sabarina Bt Che Yaakob	Mazola, Roti Ban, Roti Sosej,	010-9355411

	No 59 Taman Bedong Jaya Kedah	Roti Kacang Merah	
22	Rosnah Bt Ismail No F28 Kg Kuala Dulang Kecil Jln Cikgu Mat Ali 06900 Yan Kedah	Karas, Ikan Kering, Cornflakes Pedas, Mini Kapal Terbang, Buah Rotan	012- 5019326/017- 5112560/017- 5692006
23	Zulkiflee B Abdullah/ Zainab Bt Halim No 26 Kampung Kilang Ketapan 08300 Gurun Kedah	Karipap Frozen, Popia Frozen, Kek, Simpul Kasih, Tat Nenas, Samperit, Biskut Arab, Biskut Nestum, Batang Buruk, Mazola, Biskut Kacang	012-5431244/ 016-3514714 (Ws)
24	Mohd Shokri B Abd Patah F219 Kg Sg Rotan Jln Jenun 06720 Pendang Kedah	Kuih Tradisional Kuih Sepit	019-5950292
25	Noor Hasyimah Mohd Daud 279a Kg Belakang Sek Keb Kg Kupang 09200 Kupang Kedah	Doh, Pizza Kek, Biskut Samperit, Samprit Susu	019-4360168
26	Atikah Bt Selinan No 10 Kg Keda Tg Dawai 08110 Bedong Kedah	Putu Beras, Kacang, Kapal Terbang	013-4143423
27	Siti Royahu Bt Idris No 62 Perumahan Keda Telaga Batu 08200 Sik Kedah	Kuih Kering, Kapal Terbang, Rempeyek, Loyang	011-14483270
28	Siti Suhaila Bt Ghazali No 29d Jalan Kubur Panjang 06260 Pendang Kedah	Biskut Almond, Tat Nenas, Samperit	019- 5999580/010- 3959580
29	Mohd Rizal B Mohamad Aziz Kampung Paya Terendam 08200 Sik Kedah	Mekanik	013-4238321
30	Aziah Bt Abdul Aziz No 1096 Jln Berjaya Felda Lubuk Merbau 06300 Kuala Nerang Kedah	Karipap, Cucur Badak Frozen, Mazola, Nestum, Almond London, Chocolate Chip, Tat Nenas, Maruku	011-32221227
31	Rosada Bt Bahari Kampung Batu 36 Jalan Bukit Selambau 08700 Jeniang Kedah	Karipap Frozen, Karipap, Cucur Badak, Samosa, Popia, Donat	012-5834868
32	Nazeli B Baharom F739 Kampung Kubang Bemban Bujang 08100 Bedong Kedah	Karipap	016-71257030
33	Nuzul Hisham Binti Abdul Bahari Lot 3140 Lorong Kenari Kampung Padang Setol, Mk Pedu 06300 Kuala Nerang Kedah	Menjahit	017-4237674

34	Mansor B Sulaiman/ Suhaida Bt Hassan F871 Kg Rendang Pasir 06900 Yan Kedah	Kerepek	011-10797835
35	Mazlina Bt Saidin No 43 Kg Sg Durian 06400 Pokok Sena Kedah	Kerepek Pisang Masin/Bbq, Ubi Masin/Bbq/Sambal(Pedas) Loyang	013-4001442
36	Fatimah Binti Ibrahim Kampung Bendang Baru Mukim Lesong 06400 Pokok Sena Kedah	Masakan Goreng	012-5826990
37	Jamilah Bt Che Mee F71 Jilid 9 Kg Segantang Garam Mukim Bujang 08100 Bedong Kedah	Batang Buruk/Simpul Kasih,Pagoda	019-5765110/016-3052952(Jamilah)
38	Azizah Halim No 7 Lorong Jati50c Taman Bandar Baru Sungai Lalang 08100 Bedong Kedah	Aneka Roti, Kek, Kek Cawan	017-5544657
39	Rusnani Binti Hashim No 92 Jalan Semarak ½ 08000 Sungai Petani Kedah	Kerepek Pisang Masin/Pedas, Kerepek Ubi, Kapal Terbang, Rempeyek, Peneram, Loyang, Kacang Pedas, Sos Cili	018- 3109170
40	Che Fadzil Bin Abu Bakar No 86 Lorong 3 Taman Universiti Jaya Semeling Bedong Kedah	Bengkel Kimpalan, Stor Kiosk Untuk Berniaga	012-4346815
41	Mohamad Mazlan Bin Ismail Lot 667 Kg Pulau Pisang Mk Tunjang 06000 Jitra Kedah	Mekanik	017-4478805
42	Mohd Sokri Bin Ramli 53 Kampung Jerai Bukit Selambau 08010 Sungai Petani Kedah	Ais Kacang	014-9565934
43	Mohd Firdaus Bin Abu Bakar No 128 Kampung Naga Mukim Naga Kepala Batas 06000 Jitra Kedah	Mekanik	011-51973767
44	Ramli Bin Shariff No 30 Kg Kelut Mk Jabi 06400 Pokok Sena Kedah	Meja Plastik Dan Kerusi Plastik	019-8347826
45	Karomi B Samsudin 87 Batu 3 Tandop 05400 Alor Setar Kedah	Serunding Ikan Merah,Stevia	012-5834868

JADUAL 1 Senarai Usahawan LZNK

Sumber: Aplikasi Zakat on Touch

Antara peranan Skim jayadiri yang dibangunkan oleh LZNK dapat membantu meluaskan perniagaan serta memasarkan produk dan perkhidmatan usahawan asnaf secara atas talian. Dengan wujudnya aplikasi mudah alih oleh LZNK, akan meluaskan lagi capaian pengguna untuk mengenali produk usahawan asnaf. Maklumat berkaitan perniagaan usahawan asnaf yang dinyatakan dalam aplikasi *Usahawan Asnaf* memudahkan pengguna mengenalpasti produk dan perkhidmatan yang diusahakan golongan asnaf seterusnya dapat membantu dalam meningkatkan prestasi jualan dan produktiviti mereka. (lihat **Jadual 1**)

Tambahan lagi, e-pemasaran melalui skim jayadiri memudahkan usahawan asnaf mempromosi perniagaan mereka di bawah platform LZNK. Hal ini berupaya menarik pengguna mendapatkan maklumat dengan lebih mudah, menjimatkan masa dan tenaga. Oleh itu, LZNK memainkan peranan penting dalam turut serta membantu aktiviti pemasaran produk dan perkhidmatan golongan usahawan di Kedah di samping memantau perjalanan serta perkembangan aktiviti perniagaan mereka selepas menerima bantuan skim jayadiri.

Kesimpulan

Umumnya dalam situasi teknologi yang semakin canggih ini, usahawan asnaf wajar menggunakan e-pemasaran yang tidak memerlukan kepakaran khusus serta kos yang tinggi seperti *facebook, instagram, dan twiter*. Seiring perkembangan teknologi, usahawan asnaf dan LZNK perlu mengambil peluang ini dengan melaksanakan transformasi pemasaran produk usahawan asnaf menerusi e-pemasaran untuk meningkatkan hasil jualan usahawan asnaf. Justeru itu, satu platform khas e-pemasaran mestilah ditubuhkan oleh pihak LZNK untuk membantu usahawan asnaf dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka. Selain itu, ia turut bertujuan membantu mereka untuk terus mengekalkan perniagaan dalam jangka masa panjang walaupun setelah mereka keluar dari status asnaf.

Corresponding Author

Siti Hafsha Albasri, Center for Islamic Finance Education and Research (CIFER), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah, Malaysia.

Email: sitihafsha@unishams.edu.my

Rujukan

Abu Hassan, Nurul Shahriza; Ahmad Rusli, Roslida Zalila; Ahmad, Rahayati; Albasri, Siti Hafsha. (2018). Keberkesanan Skim Bantuan Jayadiri Terhadap Asnaf. *International Journal of Muamalat*, 17-22.

Goh, L. S., Muhammad, M. Z., Lada, S., & Ag Ibrahim, A. (2011). An exploration of social networking sites (SNS) adoption in Malaysia using technology acceptance model (TAM),

- theory planned behavior (TPB) and intrinsic Motivation 16(2). *Journal of Internet Banking and Commerce*, 16 (2).
- Ismail, Izatul Akmar ; Che Ahmat, Amin ; Md Hussain, Muhammad Nasri ; Hamed, Abu Bakar;. (2019). Strategi E-Pemasaran Dalam Transformasi Pemasaran Produk Usahawan Asnaf : Satu Cadangan. *2019 Kedah International Zakat Conference* (pp. 661-670). Alor Setar: Lembaga Zakat Negeri Kedah.
- Ismail, Izatul Akmar; Che Ahmat, Amin ; Md Hussain, Muhammad Nasri ; Hamed, Abu Bakar ;. (2019). Cadangan Perancangan Strategik E-Pemasaran Produk Usahawan Asnaf. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 31-40.
- Kedah, U. M. (2019, Disember 03). *LZNK Perkenal 'Zakat On Touch' Mudahkan Pembayar Zakat*. Retrieved from Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman: <https://www.zakatkedah.com.my/lzkn-perkenal-zakat-on-touch-mudahkan-pembayar-zakat/>
- Majid, M. b. (2015). Adaptasi Kaedah Pemasaran Dalam Perancangan Dan Pengurusan Dakwah. *e – Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 58-75.
- Mohamad, Noraihan ; Ishak, Mohd Sobhi;. (2014, April Rabu). *Penerimaan Media Sosial Dalam Sektor Penginapan Bajet di Malaysia*. Retrieved from Research Gate: <https://www.researchgate.net/publication>
- Mohd Rawi, Ahmad Syahrul Haniff; Omar, Siti Zobidah; Ali, Muhamad Sham Shahkat;. (2012). E-Dagang Di Malaysia:Perkembangan, Perlaksanaan dan Cabaran. *Jurnal Teknologi*, 57 (*Sains Sosial*), 105-127.
- Mohd Yunus, Suriatie ; Buang, Nor Aishah ;. (2017). Pendekatan Penggunaan Medium E-Pemasaran Dalam Kalangan Usahawan Wanita. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 47-57.
- Permohonan Skim Bantuan Jayadiri (Lembaga Zakat Negeri Kedah)*. (2020, September 1). Retrieved from Btimes: <https://btimes.com.my/skim-bantuan-jayadiri/>
- Video Dalam Talian Dan Suara Catatkan Pertumbuhan Terbesar Dalam Aktiviti Internet Pada 2018!* (2019, Januari 11). Retrieved from Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC): <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/online-video-and-voice-record-biggest-growth-among>.